

13/08/2000

Pusat beli-belah elektronik pertama di Langkawi

LANGKAWI: Satu lagi daya tarikan baru bakal muncul di pulau pelancongan ini dengan kewujudan Supertec City - pusat beli belah yang menawarkan urusan niaga secara elektronik.

Pusat beli-belah yang menampilkan kegiatan perniagaan runcit secara elektronik di bawah satu bumbung itu, bakal dimajukan oleh Asiankape Sdn Bhd, sebuah syarikat dari Kuala Lumpur.

Taklimat mengenai cadangan projek itu disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Dennis Hayes, di sini semalam.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata, ia cadangan yang baik dan kerajaan memberi sokongan penuh kepada urusan niaga elektronik dan berharap ia akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

"Ini satu cadangan baik, kita sokonglah. Sudah kali keempat (atau) kelima orang buat cadangan macam ini tapi tak jadi, saya harap kali ini jadi," katanya selepas melawat limbungan kering khusus untuk kapal layar dan Perkampungan Kristal di Pulau Rebak, dekat sini, semalam.

Perkampungan Kampung Kristal dimajukan oleh Langkawii-Crystaal Sdn Bhd (Langkawii-Crystaal), pengeksport terbesar barangan kristal negara, manakala limbungan kering pertama negara dimajukan oleh Rebak Island Marina Berhad, anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom.

Mengenai kemajuan limbungan kering itu sejak dibuka April lalu, Dr Mahathir berkata, ia semakin popular walaupun baru dibuka.

"Baru buka lima bulan dah popular. Lebih 50 peratus daripada tempat (yang disediakan) dah diguna. Ini menunjukkan industri ini berpotensi tetapi kita agak lewat," katanya.

(END)